



UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH

جامعة السلطان أحمد شاه الإسلامية ببهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

استعدادت
فمشهورن چنسلور، فرو چنسلور
دان
استعدادت کونووکیشن ک 19
دسمفورناکن اولیه

کباوه دولی یغ مها مولیا قمغکو راج قهغ
تغکو مهکوتا تغکو حسان الإبراهیم عالم شاه
ابن السلطان عبد الله رعاية الدين المصطفى بالله شاه
دیوان اءودیتوریوم اونیورسیتی اسلام قهغ سلطان أحمد شاه
20 دسیمبر 2021 (اتنین) برسامان 15 جمادی الأول 1443ھ





**UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**

جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية ببهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

**PANDUAN DAN PERATURAN
ISTIADAT PEMASYHURAN
CANSELOR, PRO-CANSELOR DAN
ISTIADAT KONVOKESYEN KE-19
UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH (UnIPSAS)**

Assalamualaikum wrt. wbt.,

Para graduan yang budiman,

ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR, PRO-CANSELOR DAN ISTIADAT KONVOKESYEN KE-19 UnIPSAS

Kami ingin merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan saudara/saudari. Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS akan diadakan di **Auditorium UnIPSAS, KM 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan Pahang** pada **20 Disember 2021 (Isnin), bersamaan 15 Jamadilawal 1443H**. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari dikehendaki memahami Panduan dan Peraturan Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS ini dengan jelas.

1. Tarikh, Masa dan Tempat Istiadat

Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen UnIPSAS Kali Ke-19 akan diadakan dalam dua sidang seperti keterangan berikut :-

Sidang 1

Tarikh : **20 Disember 2021/ 15 Jamadilawal 1443H**
 Hari : **Isnin**
 Waktu : **9.00 pagi**
 Tempat : **Auditorium Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)**

Sidang 2

Tarikh : **20 Disember 2021/ 15 Jamadilawal 1443H**
 Hari : **Isnin**
 Waktu : **2.00 petang**
 Tempat : **Auditorium Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)**

**Senarai Nama Graduan mengikut sidang boleh dirujuk di laman sesawang UnIPSAS
<https://www.kuipsas.edu.my/info-konvokesyen-19/>*

2. Garis Panduan & Operasi Standard (SOP)

- 2.1 Graduan hendaklah berstatus lengkap vaksinasi dalam My Sejahtera sebelum mengikuti Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 ini.
- 2.2 Graduan hendaklah mengambil **Ujian Pengesanan COVID-19 RTK Antigen (bukan Saliva)** hanya **pada 18 Disember 2021 ATAU 19 Disember 2021** sebelum Istiadat berlangsung di klinik sekitar Kuantan/Pekan **sahaja** (Senarai cadangan klinik dan harga boleh dirujuk di **Lampiran 1**).
- 2.3 Kos Ujian Pengesanan COVID-19 RTK Antigen (bukan Saliva) adalah tanggungan sendiri. Keputusan ujian hendaklah diserahkan kepada petugas dalam bentuk *hardcopy* sebelum dibenarkan untuk mengambil jubah dan mengikuti Istiadat.
- 2.4 Graduan **diwajibkan** memakai pelitup muka perubatan (*medical*) sahaja. Pelitup muka fabrik adalah tidak dibenarkan.
- 2.5 Hanya **graduan sahaja** yang dibenarkan menghadiri Istiadat. Ibu bapa/penjaga akan menurunkan graduan di Dewan Utama UnIPSAS dan mengambil semula graduan di tempat graduan menunggu (Parkir Masjid/ Parkir Bangunan Fakulti Pengajian Islam) apabila Istiadat selesai. Ibu bapa/penjaga tidak dibenarkan menunggu dan berada dalam kawasan UnIPSAS.
- 2.6 Graduan hendaklah mematuhi pelan pergerakan yang telah ditetapkan oleh pihak UnIPSAS.
- 2.7 Graduan hendaklah mematuhi semua SOP yang akan ditetapkan sepanjang Istiadat berlangsung.
- 2.8 Sekiranya graduan dikesan positif COVID-19 atau mempunyai gejala seperti demam, selsema dan batuk, graduan **tidak dibenarkan** mengikuti Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen.
- 2.9 Sekiranya graduan merupakan kontak rapat (CC1), graduan tidak dibenarkan mengikuti Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen.
- 2.10 Sekiranya graduan tidak mematuhi Garis Panduan & Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan, pihak UNIPSAS berhak menghalang graduan daripada mengikuti Istiadat.

3. Pergerakan Pengambilan Jubah Graduan Sebelum Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro- Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19

- 3.1 Pengambilan jubah akan dibuka pada **18 Disember 2021** dan **19 Disember 2021** (Rujuk **Perkara 9**).
- 3.2 Graduan hendaklah menyelesaikan Ujian Pengesanan COVID-19 RTK-Antigen (Bukan Saliva) di klinik sekitar Kuantan/Pekan dahulu sebelum mengambil jubah konvokesyen.
- 3.3 Pergerakan graduan semasa mengambil jubah adalah seperti berikut:
 - i. **Dewan Utama UnIPSAS**
Graduan dikehendaki membawa borang akuan penerimaan dan pemulangan jubah yang telah dicetak dan laporan Ujian Pengesanan COVID-19 RTK Antigen (bukan Saliva) . Graduan akan mengimbas suhu di pintu masuk Dewan Utama UnIPSAS. **Hanya graduan sahaja dibenarkan masuk.**
 - ii. **Kaunter 1 - Pendaftaran**
Graduan perlu mendaftar di Kaunter 1 dan menyerahkan laporan Ujian Pengesanan COVID-19 RTK Antigen (bukan Saliva) kepada petugas. Graduan juga dikehendaki menunjukkan Borang Pengambilan Jubah yang telah dicetak sendiri dan menerima cop pengesanan di Kaunter 1.
 - iii. **Kaunter 2 - Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni**
Graduan perlu menunjukkan bukti pengisian Borang Alumni, Kajian Pengesanan Graduan dan Kajian Kepuasan Graduan di Kaunter 2. Graduan menerima cop pengesanan daripada petugas HEPA.
 - iv. **Kaunter 3 - Bahagian Kewangan**
Graduan menyemak tunggakan yuran pengajian dan menerima cop pengesanan daripada petugas kewangan.
 - v. **Kaunter 4 - Pemilihan Pakej Gambar**
Graduan yang berhasrat untuk menempah gambar semasa hari Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 akan membuat pembayaran di Kaunter 4.

- 3.4 Graduan akan keluar melalui pintu utama dewan dan menaiki tangga untuk mengambil jubah di Bilik Jubah.
- 3.5 Bagi urusan keperluan semasa pengambilan dan pemulangan jubah, graduan dikehendaki merujuk **Perkara 9**.
- 3.6 Laluan keluar graduan adalah melalui tangga di bahagian Pejabat Perhubungan Korporat.

4. Ringkasan Pergerakan Graduan Semasa Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen

Berikut merupakan panduan ringkas bagi pergerakan graduan semasa Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen:

- 4.1 Para graduan dikehendaki untuk berada di **Dewan Utama UnIPSAS**, pada jam **7.45 pagi** bagi **Sidang 1** atau **1.30 Petang** bagi **Sidang 2, 20 Disember 2021 (Isnin)**. Para graduan dikehendaki untuk berpakaian lengkap dan tidak dibenarkan untuk berkumpul. Graduan juga disarankan agar mengambil sarapan pagi **sebelum** hadir ke UnIPSAS.
- 4.2 Graduan akan melalui tujuh (7) *check point (CP)* sepanjang kelangsungan Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 seperti berikut:
 - i. **CP 1: Pos Pengawal**
 - Graduan akan memasuki Pintu Utama 2 (Jalan Pekan) untuk ke Dewan Utama UnIPSAS.
 - Graduan perlu memaparkan plakad "GRADUAN" pada kenderaan yang dinaiki. (Rujuk **Perkara 11**)
 - ii. **CP 2: Kaunter Pendaftaran (Hadapan Dewan Utama UnIPSAS)**
 - Ibu bapa akan menurunkan graduan di hadapan Dewan Utama UnIPSAS.
 - Graduan yang memandu kenderaan sendiri dikehendaki memarkir kenderaan di kawasan parkir yang disediakan dan berjalan kaki ke Dewan Utama UnIPSAS.
 - Graduan akan mengimbas suhu badan dan kod QR My Sejahtera menggunakan telefon pintar masing-masing.

- Graduan akan mendaftar di kaunter pendaftaran mengikut program pengajian dan menerima tag graduan.
- iii. CP 3: Dewan Utama UnIPSAS**
- Graduan akan bergerak masuk ke dalam Dewan Utama UnIPSAS.
 - Petugas akan menyusun graduan mengikut program pengajian.
- iv. CP 4: Dewan Kuliah 1 dan 2**
- Graduan akan memasuki Dewan Kuliah 1 atau 2 melalui pintu utama di bahagian atas.
 - Petugas akan menyemak susunan graduan mengikut giliran program pengajian.
 - Graduan akan menuju ke Auditorium UnIPSAS melalui pintu Dewan Kuliah 1 atau 2 di bahagian bawah.
- v. CP 5: Auditorium UnIPSAS**
- Graduan akan memasuki Auditorium melalui pintu sebelah kiri.
 - Graduan akan mengimbas kod bar pengenalan diri (tag graduan) yang akan memaparkan nama dan program pengajian masing-masing.
 - Setelah nama dipanggil, graduan akan naik ke atas pentas untuk menerima skrol dan bergambar bersama Canselor. Semasa naik ke atas pentas, graduan dikehendaki:
 - a) melangkah naik ke atas pentas dengan sopan dan mengangkat sembah,
 - b) berjalan menuju ke arah KDYMM Pemangku Raja Pahang Canselor UnIPSAS, berhenti dan mengangkat sembah,
 - c) melangkah setapak ke hadapan, menerima skrol dan mengucapkan “Menjunjung Kasih, Tuanku”,
 - d) berundur setapak ke belakang dan tunduk sedikit, dan
 - e) berjalan menuruni pentas.
 - Graduan akan bergerak keluar daripada Auditorium melalui pintu sebelah kanan.
- *Graduan dilarang untuk mengambil gambar selfie, live FB, atau lain-lain perbuatan yang tidak menghormati Istiadat semasa menerima skrol.*
- vi. CP 6: Kaunter Pemulangan Jubah**
- Graduan akan memulangkan jubah di kaunter hadapan perpustakaan UnIPSAS.
 - Graduan akan memulangkan keratan slip pemulangan jubah.

- vii. **CP 7: Tempat Graduan Menunggu**
- Graduan akan menuju ke kawasan Masjid UnIPSAS.
 - Ibu/bapa akan mengambil graduan di kawasan Masjid UnIPSAS.
 - Graduan akan pulang ke destinasi masing-masing melalui pintu Jalan Gambang.
- 4.3 Bagi melancarkan lagi proses penyusunan, para graduan diwajibkan untuk menonton video rakaman Raptai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen sebagaimana yang ditetapkan dalam **Perkara 5**.

5. Video Simulasi Raptai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor Dan Istiadat Konvokesyen

- 5.1 Semua graduan **DIWAJIBKAN** menonton simulasi Raptai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen yang dimuat naik dalam laman sesawang UnIPSAS di pautan berikut <https://www.kuipsas.edu.my/info-konvokesyen-19/>.

6. Pengesahan Kehadiran

- 6.1 Semua graduan perlu **mengesahkan kehadiran** secara dalam talian melalui pautan yang diberikan seperti panduan berikut sebelum **9 Disember 2021**:
- i. Pautan Pengesahan Kehadiran Graduan:
- <https://plu.sh/kehadiranistiadatkonvokesyenUnIPSAS19>
- 6.2 Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Jawatankuasa Jemputan Graduan seperti berikut:

Program	Jawatankuasa	No. Telefon
Diploma Pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam	Pn. Aida Farkhana binti Ahmad Puhad	019-9209104
Diploma Pengajian Bahasa Arab Komunikasi	Pn. Norillah binti Abdullah Hassim	013-9065944
Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Dakwah dan Pengurusan	Pn Dayang Sakini Mohd Kadri	013-9554180
Ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah dengan Kepujian	Pn. Siti Marsitah Mokhtar	013-3117186

Diploma Pengajian Media Islam	Cik Raja Nurul Hafizah binti Raja Ismail	018-2327372
Diploma Pengajian Kaunseling Islam		
Diploma Pengurusan Muamalat	Pn. Musfirah Mohamed Mokhtar	016-9849698
Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Syariah Dan Undang- Undang	Pn Ainun Mardhiah binti Salehudin	013-9329658
Diploma Pendidikan Awal Kanak- Kanak Secara Islamik	Pn. Faizan binti Gayuh	0193225458
	Cik Nurul Afzan Binti Sa'ari	
Diploma Pengajian Quran dan Sunnah	Pn. Siti Nora'eshah Zakaria	019-9833623
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian		
Diploma Perakaunan	Pn. Zawati Abu Bakar	013-9357270
Diploma Pengajian Perniagaan	Pn. Nurulhuda Othman	013-9611939
Diploma Pengurusan Pemasaran		
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian		
Diploma Kewangan Dan Perbankan	Pn. Siti Fatimah binti Sudarmin	013-9881697
Diploma Pengurusan Kewangan Islam		
Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam dengan Kepujian		
Diploma Pembangunan Perisian (Internet Dan Multimedia)	Pn. Aswahida Sabarudin	012-9018042
Diploma Teknologi Maklumat dan Rangkaian		
Ijazah Sarjana Muda Multimedia (Pengiklanan Digital) dengan Kepujian		
Diploma In English	Cik Nurazimah Mohamed Jamburi	01131373195

7. Melapor Diri

- 7.1 Pada hari Istiadat, semua graduan **dikehendaki melapor diri kepada petugas di Dewan Utama UnIPSAS pada 20 Disember 2021 (Isnin)** mengikut sidang. Sila beri perhatian dan patuh kepada arahan petugas untuk pendaftaran masuk graduan. Masa mendaftar adalah seperti berikut:

Sidang	Masa Mendaftar
Sidang 1	8.00 Pagi
Sidang 2	1.30 Petang

- 7.2 Ibubapa/Penjaga akan menurunkan graduan di Dewan Utama (Rujuk **Perkara 4 - CP 2**).
- 7.3 Graduan dikehendaki mengimbas suhu dan bar kod My Sejahtera sebelum melapor diri di kaunter pendaftaran.
- 7.4 Graduan **hanya dibenarkan** membawa beg kecil yang boleh disembunyikan di dalam jubah konvokesyen. Sebarang beg bersaiz besar tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan Istiadat. UnIPSAS juga tidak menyediakan tempat simpanan barang. Sebarang kehilangan adalah tanggungjawab sendiri.
- 7.5 Bagi mengelakkan sebarang sentuhan semasa mendaftar, graduan perlu **membawa pen sendiri** untuk urusan pendaftaran dan lain-lain urusan sepanjang Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen berlangsung.

8. Yuran Konvokesyen

- 8.1 Bayaran yuran bagi Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS, adalah sebanyak **RM380.00** manakala bayaran pengurusan skrol dan transkrip bagi graduan yang tidak menyertai konvokesyen adalah sebanyak **RM130.00**. Bayaran ini akan ditolak daripada deposit pelajar berjumlah RM500.00.
- 8.2 Graduan yang tidak mempunyai yuran pengajian tertunggak tidak perlu membuat apa-apa bayaran untuk Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 ini atau bayaran pengurusan skrol dan transkrip tersebut.
- 8.3 Graduan boleh membuat tuntutan pemulangan baki deposit melalui borang di pautan <https://forms.gle/D6bt5fPenJV7aH2Y8> sebelum **19 Disember 2021**. *(Untuk makluman para graduan, permohonan ini hanya boleh dibuat sekali sahaja. Sila pastikan maklumat yang diisi adalah tepat dan benar serta disemak terlebih dahulu sebelum dihantar.)*
- 8.4 Graduan **DIWAJIBKAN** menjelaskan baki yuran pengajian tertunggak sebelum **16 Disember 2021** bagi menyertai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19. Sebarang pertanyaan atau permasalahan mengenai yuran pengajian tertunggak, graduan boleh menghubungi Pejabat Bendahari UnIPSAS di talian 09-553 5555.

8.5 Graduan boleh membuat pembayaran menggunakan JomPAY seperti berikut:-

Biller Code : **82586**
 Ref-1 : (Kod Program*)/(Nama Graduan)
 Ref-2 : (No Kad Pengenalan Graduan)

Contoh:

Biller Code : 82586
 Ref-1 : ASK/Mohd Faiz Bin Mohamad
 Ref-2 : 200912145179

Rujuk **Kod Program di bawah.*

Berikut adalah kod program graduan mengikut program pengajian:

Bil.	Program Pengajian	Kod Program
1	Asasi Sains Kemanusiaan	ASK
2	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Bahasa Arab & Tamadun Islam	DBATI
3	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Dakwah & Pengurusan	DDP
4	Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Syariah & Undang-undang	DSU
5	Diploma Pengurusan Muamalat	DPM
6	Diploma Pengajian Media Islam	DMI
7	Diploma Pengajian Bahasa Arab Komunikasi	DBK
8	Diploma Pengurusan Kewangan Islam	DIF
9	Diploma Pengurusan Pemasaran	DPEM
10	Diploma Pengajian Perniagaan	DPEN
11	Diploma Kewangan & Perbankan	DKP
12	Diploma Perakaunan	DACC
13	Diploma Pembangunan Perisian (Internet & Multimedia)	DPIM
14	Diploma Teknologi Maklumat & Rangkaian	DTMR
15	Diploma In English	DIE
16	Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Secara Islamik	DPAK
17	Diploma Pengajian Quran dan Sunnah	DQS
18	Diploma Kaunseling Islam	DKI
19	Ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah dengan Kepujian	IDI
20	Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Kepujian)	IKI
21	Ijazah Sarjana Muda Multimedia (Pengiklanan Digital) dengan Kepujian	IMPD

22	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian	IPP
23	Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Pentadbiran Kehakiman (Kepujian)	ISPK
24	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kejujian	IQS
25	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Inggeris dengan Kepimpinan Pengajaran	IBI
26	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kejujian	IACC
27	Sarjana Pengajian Islam	SPI

- 8.6 Resit/ bukti pembayaran/ penyata kewangan terkini graduan tersebut perlu dikemukakan bersama borang pinjaman dan penyewaan jubah semasa proses peminjaman jubah dilakukan.

9. Peminjaman/Pemulangan Jubah Konvokesyen

- 9.1 Graduan dikehendaki mengisi borang pinjaman dan penyewaan jubah dengan lengkap yang dimuat turun di <https://www.kuipsas.edu.my/info-konvokesyen-19/>.
- 9.2 Jadual peminjaman/pemulangan jubah adalah seperti berikut:

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
PEMINJAMAN JUBAH	18 Disember 2021 Sabtu	9.00 pagi – 4.30 petang	Bilik Jubah (Atas Dewan Utama)
	19 Disember 2021 Ahad	9.00 pagi – 4.30 petang	

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
PEMULANGAN JUBAH	20 Disember 2021 Isnin	Sebaik sahaja selesai Istiadat.	Kaunter Jubah (Hadapan Perpustakaan)

- 9.3 Peringatan Semasa Peminjaman Jubah:
- Graduan hendaklah **bebas daripada sebarang tunggakan yuran** bagi melayakkan diri untuk menyertai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen.
 - Graduan hendaklah mengemukakan borang pinjaman dan penyewaan jubah semasa mengambil jubah masing-masing.

- iii. Sila rujuk **Lampiran 2** bagi prosedur peminjaman jubah dan **Lampiran 5** bagi senarai semak Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS.

9.4 Peringatan Semasa Pemulangan Jubah:

- i. Jubah perlu dipulangkan sebaik sahaja selesai Istiadat Konvokesyen di Kaunter Pemulangan Jubah berhadapan Perpustakaan UnIPSAS.
- ii. Graduan hendaklah memastikan jubah yang dipulangkan dalam keadaan yang baik. Kegagalan memulangkan jubah dalam keadaan yang baik atau tidak memulangkan jubah selepas 2 minggu daripada tarikh Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS akan dikenakan **denda sebanyak RM200.00 dan wang cagaran tidak akan dikembalikan.**
- iii. Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik serta wang cagaran tidak akan diserahkan kepada graduan yang memiliki yuran tertunggak.
- iv. Sila rujuk **Lampiran 3** bagi prosedur pemulangan jubah.

10. Peraturan Pakaian Graduan

10.1 Semua graduan **DIWAJIBKAN** mematuhi peraturan berpakaian seperti berikut :-

Graduan Lelaki	Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> • Baju Melayu lengkap bersampin dan bersongkok (songkok berwarna hitam tanpa hiasan).
	Kasut	<ul style="list-style-type: none"> • Kasut kulit berwarna hitam dan berstoking (selipar, capal dan kasut sukan tidak dibenarkan).
	Pelitup Muka (Facemask)	<ul style="list-style-type: none"> • Graduan wajib memakai pelitup muka perubatan (<i>medical</i>) bagi lapisan pertama. Tidak dibenarkan memakai pelitup muka fabrik (<i>non- medical</i>). • Pihak UnIPSAS akan memberikan pelitup muka bagi lapisan kedua untuk dipakai di bahagian luar.
	Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> • Rambut didandan rapi dan tidak panjang melebihi paras bawah telinga. • Berkuku pendek dan kemas.

Graduan Perempuan	Pakaian	<ul style="list-style-type: none"> Baju Kurung. Wajib bertudung (warna krim) dan menutup aurat (Niqab adalah tidak dibenarkan).
	Kasut	<ul style="list-style-type: none"> Kasut kulit berwarna hitam bertutup penuh dan memakai sarung kaki (selipar, sandal dan lain-lain jenis kasut tidak dibenarkan).
	Pelitup Muka (Facemask)	<ul style="list-style-type: none"> Graduan wajib memakai pelitup muka perubatan (<i>medical</i>) bagi lapisan pertama. Tidak dibenarkan memakai pelitup muka fabrik (<i>non-medical</i>). Pihak UnIPSAS akan memberikan pelitup muka bagi lapisan kedua untuk dipakai di bahagian luar.
	Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> Graduan hanya dibenarkan membawa beg kecil yang boleh disembunyikan di dalam jubah konvokesyen. Sebarang beg bersaiz besar tidak dibenarkan.

* *Kegagalan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan, akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan menyertai Istiadat Pemasyhuran Cansolor, Pro-Cansolor dan Istiadat Konvokesyen.*

10.2 Graduan hendaklah berpakaian sopan, kemas dan menutup aurat semasa mengambil jubah.

11. Tempat Meletak Kenderaan

11.1 Ibu bapa/penjaga **tidak dibenarkan** meletakkan kenderaan di dalam kampus UnIPSAS.

11.2 Bagi graduan yang membawa kenderaan sendiri (tanpa penjaga), tempat meletak kenderaan adalah di tempat yang disediakan.

11.3 Graduan perlu meletakkan plakad "GRADUAN" di sebelah kanan cermin hadapan kenderaan. (Plakad hendaklah dicetak daripada lampiran di belakang buku panduan ini)

- 11.4 Bagi graduan yang membawa motorsikal, plakad hendaklah ditunjukkan kepada petugas di pos pengawal.

12. Gambar Konvokesyen

- 12.1 Perkhidmatan pemilihan pakej gambar akan disediakan di Kaunter 4 pada hari pengambilan jubah.
- 12.2 Pembayaran pakej gambar hendaklah dibuat semasa berurusan di Kaunter 4 tersebut. (Rujuk pakej gambar di <https://www.kuipsas.edu.my/info-konvokesyen-19/>)
- 12.3 Jawatankuasa Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS akan menyediakan perkhidmatan jurugambar profesional untuk mengambil gambar para graduan sepanjang Istiadat. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil gambar peribadi dengan menggunakan khidmat jurugambar peribadi.
- 12.4 UnIPSAS tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan gambar oleh syarikat jurugambar profesional yang dilantik mahupun gambar graduan yang tidak dituntut selepas 3 bulan daripada tarikh Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 UnIPSAS.
- 12.5 Sekiranya graduan memerlukan perkhidmatan pos bagi gambar Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen ke alamat masing-masing, graduan boleh berurusan terus dengan syarikat fotografi yang dilantik. Urusan boleh dibuat pada hari pengambilan jubah.

13. Pendaftaran Persatuan Alumni UnIPSAS dan Kajian Pengesanan Graduan (KPG/SKPG)

- 13.1 Bagi melengkapkan proses graduasi, semua graduan **diwajibkan** menyelesaikan perkara-perkara berikut :

Bagi Graduan 2020 sahaja	
Perkara 1	<p>Menyertai <i>WhatsApp Group</i> Alumni mengikut sesi akademik graduan. Senarai pautan <i>WhatsApp</i> mengikut kumpulan masing-masing adalah seperti berikut:</p> <p>https://kuipsasmy.sharepoint.com/:b:/s/ALUMNI/EZxiTdb7DYNCn8c3JS55dKoB1xF_-mVswmncrj6TT1hUMA?e=0hcxdE</p> <p>Sila pastikan anda menyertai kumpulan <i>WhatsApp</i> yang betul.</p>
Perkara 2	<p>Melengkapkan borang (A) - BORANG ALUMNI KUIPSAS seperti di pautan berikut :</p> <p>https://forms.office.com/r/tpqRH2P5bT</p> <p>Untuk menjawab soalan di Borang (A), Manual Panduan - Kod, telah disediakan, sila klik pada pautan berikut untuk rujukan:</p> <p>https://kuipsasmy.sharepoint.com/:b:/s/ALUMNI/EcMmf5da-dRFmEPe3Sg9p4oB9AXbtZ9JG7_x7EjgepSrgw?e=J1jNpQ</p> <p>Sila baca dengan teliti pilihan kod yang disediakan.</p> <p>Borang (A) perlu dilengkapkan sebelum/pada 28 November 2021.</p> <p>Sila tangkap layar (<i>screenshot</i>) paparan akhir setelah selesai melengkapkan borang.</p>

Perkara 3	<p>Semua graduan juga perlu melengkapkan Borang (B) Kajian Pengesanan Graduan KPT / <i>Tracer Study 2021</i>/SKPG 1.0 seperti di pautan berikut :</p> <p>https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwjGyM3D-bX0AhUxS2wGHQVBC0MQFnoECAkQAQ&url=https%3A%2F%2Fgraduatu.mohe.gov.my%2FSKPG1%2F&usq=AOvVaw0oAafyaqBRjOOElHHbYc2Q</p> <p>bermula pada 13 Disember 2021 (jangkaan) hingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.</p> <p><i>(tarikh sebenar akan dimaklumkan dari masa ke semasa di dalam group Alumni batch masing-masing seperti di Perkara 1)</i></p> <p>Bagi memastikan graduan dapat melengkapkan borang ini dengan tepat, satu taklimat akan dijalankan secara maya pada tarikh yang akan dimaklumkan semula.</p> <p>Mohon sentiasa cakna dengan sebarang pengumuman di dalam <i>di dalam group Alumni batch masing-masing seperti di Perkara 1)</i></p> <p>Sila tangkap layar (<i>screenshot</i>) paparan akhir selepas selesai melengkapkan borang.</p>
Perkara 4	<p>Bagi graduan yang akan menghadiri Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19, anda perlu;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menyebut kod <i>batch</i> kepada petugas HEPA (akan dimaklumkan di dalam <i>WhatsApp Group</i> Alumni masing-masing seperti di perkara 1) 2. Menyediakan dan menunjukkan tangkap layar (<i>screenshot</i>) borang (A) dan (B) kepada petugas bagi proses pendaftaran dan penyerahan jubah. <p>Bagi graduan yang tidak menghadiri Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19, graduan perlu melengkapkan perkara 1-3 seperti dinyatakan di atas.</p> <p>Graduan yang tidak melengkapkan borang (A) dan (B) tidak akan dibenarkan untuk menyertai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 atau mendapatkan Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik.</p>

Bagi Graduan 2019 sahaja	
Perkara 1	<p>Menyertai kumpulan <i>WhatsApp</i> Alumni mengikut sesi akademik graduan. Senarai pautan <i>WhatsApp</i> mengikut kumpulan masing-masing adalah seperti berikut:</p> <p>https://kuipsasmy.sharepoint.com/:b:/s/ALUMNI/Ee_XAfLEUspliRnUF3ixBfEBoR_T3cWWI0A-MK4b0zsqRw?e=yrN4SO</p> <p>Sila pastikan anda menyertai kumpulan <i>WhatsApp</i> yang betul.</p>
Perkara 2	<p>Bagi graduan yang akan menghadiri Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19,</p> <p>jika SUDAH melengkapkan SKPG;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menyebut kod <i>batch</i> kepada pegawai bertugas (akan dimaklumkan di dalam kumpulan <i>WhatsApp</i> Alumni masing-masing seperti di perkara 1) 2. Menyediakan dan menunjukkan tangkap layar (<i>screenshot</i>) SKPG kepada petugas bagi proses pendaftaran dan penyerahan jubah. Jika pelajar sudah mengisi SKPG namun tidak berjaya memuatnaik sebarang bukti, sila maklumkan kepada petugas. <p>jika BELUM melengkapkan SKPG;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. menyebut kod <i>batch</i> kepada petugas (akan dimaklumkan di dalam kumpulan <i>WhatsApp</i> Alumni masing-masing seperti di perkara 1) 2. Melengkapkan borang SKPG-B di kaunter 2 pada hari pengambilan jubah. <p>Bagi graduan yang tidak menghadari Istiadat konvokesyen di KUIPSAS, anda juga perlu melengkapkan SKPG-B (akan dimaklumkan di dalam kumpulan <i>WhatsApp</i> Alumni masing-masing seperti di perkara 1)</p> <p>Graduan yang tidak melengkapkan borang SKPG pada bulan Februari lalu / borang SKPG-B semasa pendaftaran/tempoh tertentu tidak akan dibenarkan untuk menyertai Istiadat konvo atau mendapatkan skrol diploma/ijazah.</p>

- 13.2 Sebarang persoalan dan maklumat lanjut berkaitan Perkara 13 ini boleh terus menghubungi Talian Mesra HEPA 013-3603404.

14. Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik

- 14.1 Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik akan dihantar melalui pos ke alamat semua graduan **termasuk yang tidak menyertai** Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19.
- 14.2 Graduan hendaklah memastikan tiada tunggakan yuran pengajian yang masih berbaki.
- 14.3 Para graduan yang belum menjelaskan tunggakan yuran pengajian atau masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan UnIPSAS, Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik **tidak akan dikeluarkan**.
- 14.4 Pihak UnIPSAS tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh 90 hari selepas Istiadat Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19.
- 14.5 Permohonan Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik boleh dibuat melalui **Borang Permohonan Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik** yang boleh dimuat turun seperti pautan berikut : <https://forms.gle/cGDiMfw3EakN44mZ6> tertakluk kepada syarat dan terma yang telah ditetapkan oleh pihak UnIPSAS.

15. Borang Kaji Selidik Kepuasan Graduan

- 15.1 Semua graduan perlu melengkapkan Borang Kaji Selidik Kepuasan Graduan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) 2019.
- 15.2 Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat bagi menilai kualiti program yang ditawarkan dan perkhidmatan yang disediakan oleh UnIPSAS.
- 15.3 Semua graduan diwajibkan melengkapkan borang kajian ini dengan menggunakan pautan berikut:
<https://forms.office.com/r/K6n2MuhLVa>
- 15.4 Setelah melengkapkan borang kajian ini, graduan dikehendaki menangkap layar (*screenshot*) slip Kaji Selidik Kepuasan Graduan sebagai bukti graduan telah melengkapkannya. Slip tersebut perlu diserahkan di Kaunter 2 semasa pengambilan jubah.
- 15.5 Sebarang persoalan dan maklumat lanjut berkaitan perkara 13 ini boleh terus menghubungi Talian Mesra HEPA 013-3603404.

PERINGATAN

**ISTIADAT PEMASYHURAN CANSOLOR, PRO-
CANSOLOR DAN ISTIADAT KONVOKESYEN
MERUPAKAN ISTIADAT RASMI DAN PENUH
TERTIB.**

**PARA GRADUAN DIMINTA MEMATUHI
PERATURAN YANG DINYATAKAN DI ATAS SUPAYA
ISTIADAT DAPAT BERJALAN LANCAR DAN
SEMPURNA.**

- TERIMA KASIH -

Daripada:

**Jawatankuasa Jemputan Graduan
Istiadat Pemasyhuran Cansolor, Pro-Cansolor Dan Istiadat Konvokesyen Ke-19
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
2021**

LAMPIRAN 1: Senarai Cadangan Klinik dan Harga (RTK AG bukan Saliva)

Perhatian:


- i. Ujian Pengesanan COVID-19 RTK Antigen hendaklah dilakukan di klinik-klinik **sekitar Kuantan/Pekan** sahaja.
- ii. Graduan disarankan agar **berada di sekitar Kuantan/Pekan** sahaja **selepas** menerima keputusan ujian.
- iii. Ujian tersebut perlu dilakukan pada **18 Disember 2021** dan **19 Disember 2021** sahaja. Selain daripada tarikh tersebut, tidak akan diterima.
- iv. Keputusan ujian hendaklah diterima dalam bentuk salinan keras (*hardcopy*). Keputusan melalui emel atau WhatApps tidak diterima.
- v. Sekiranya keputusan ujian graduan didapati positif, **graduan perlu memaklumkan segera** kepada Jawatankuasa Jemputan Graduan yang dilantik atau menghubungi Pn Dayang Sakini (0139554180) bagi tujuan pembatalan kehadiran ke Istiadat.
- vi. Pihak UnIPSAS hanya memberikan cadangan klinik yang menawarkan perkhidmatan Ujian Pengesanan COVID 19 RTK Antigen seperti di bawah. Senarai klinik yang dilampirkan adalah hasil daripada tinjauan dan persetujuan harga kepada graduan daripada klinik tersebut.
- vii. Sekiranya graduan mempunyai pilihan klinik lain yang berada di sekitar Kuantan/Pekan yang tidak disenaraikan di bawah, graduan juga boleh menjalankan ujian di klinik tersebut.
- viii. Bagi urusan temujanji di klinik, graduan hendaklah memaklumkan status sebagai graduan UnIPSAS yang akan menghadiri Istiadat Konvokesyen. Sebahagian klinik memerlukan kad matrik pelajar sebagai pembuktian graduasi. Sila bawa bersama kad matrik pelajar (jika diperlukan).

Berikut merupakan cadangan klinik yang menawarkan perkhidmatan Ujian Pengesanan COVID 19 RTK Antigen (bukan Saliva):


BIL	NAMA KLINIK	DAERAH	HARGA (RM)	NO TEL	MASA	CATATAN
1	KLINIK SYED BADARUDDIN (BALOK) B22, Lorong Balok Darat 16, Kampung Balok Pahang	KUANTAN	100.00	09-5834760	2.30 pm – 6.30 pm	Tidak Perlu Temujanji
2	POLIKLINIK AR RAZI (KLINIK SYUKRI) No. B, 86, Lorong Im 8/33, Taman Mahkota Putra, 25200 Kuantan Pahang		60.00	09-5729555	10.00 am – 4.30 pm	Tidak Perlu Temujanji
3	DARUL MAKMUR MEDICAL CENTRE (DMMC) KUANTAN Jalan Kempadang Makmur, 26060 Kuantan Pahang		75.00	Temujanji: 016-9234011 (Pn Syakirah)	9.30 am - 10.00 am (Sabtu sahaja)	Perlu Temujanji
4	KLINIK AS SALAM No. B42&44 Ground Floor, Jalan IM 7/5, Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan Pahang		60.00	Temujanji: 012-6640969 (En Naim)	8.00 am - 11.00 pm	Perlu Temujanji
5	MY HEALTH (JAYA GADING) B14, GF, Jalan Jaya Gading 1, Kampung Batu Sepuluh, 26070 Kuantan Pahang		100.00	09-5536158	8.00 am – 8.00 pm	Perlu Temujanji
6	PUTRA MEDIK Lorong Kurnia Jaya 3, Taman Kurnia Jaya, 25150 Kuantan Pahang		65.00	09-5319515 Temujanji: 016-6343845	9.30 am, 2.00 pm atau 8.00 pm (Bergantung Kepada Temujanji)	Perlu Temujanji (Graduan Perlu WhatApps)

						Gambar Kad Matrik)
7	PAHANG MEDICAL CENTRE (PMC Kuantan) Lot 1, Wisma Muip, Jalan Gambut, Sri Dagangan Business Centra, 25000 Kuantan Pahang		<p>50.00 (bagi graduan yang <i>booking</i> ujian RTK pada hari sabtu sebelum 1.00 petang)</p> <p>100.00 (bagi graduan yang <i>booking</i> ujian RTK selepas 1.00 petang hari sabtu)</p>	09-5137110 Temujanji: 011-33117110	<p>SABTU 8.00 am – 1.00 pm</p> <p>AHAD 8.00 am – 8.00 pm (bagi graduan yang <i>booking</i> ujian RTK selepas jam 1.00 petang hari Sabtu (18 Disember 2021), harga ujian adalah RM100)</p>	Perlu Temujanji
8	KLINIK SYED BADARUDDIN (INDERA MAHKOTA 14) B38, Lorong I/M 14/2, Perkedaian Mahkota Idaman, Kuantan, Kuantan Indera Mahkota 14, 25200 Kuantan, Pahang		50.00	09-573 5399	<p>SABTU: 4.00 pm - 6.00 pm</p> <p>AHAD: 9.00 pm – 2.00 pm</p>	Perlu Temujanji
9	POLIKLINIK AR RAZI PERAMU No.22 Tingkat 1 Taman Peramu Permai, Taman Mentiga / Peramu Jaya 26600 Pekan, Pahang	PEKAN	90.00	Temujanji: 0199815941	9.00 am	Perlu Temu Janji


LAMPIRAN 2: Carta Alir Pengambilan Jubah Konvoquesyen



LAMPIRAN 3: Carta Alir Pemulangan Jubah Konvoquesyen



LAMPIRAN 4: Laluan Masuk Ibu/bapa dan Pergerakan *Checkpoint* Graduan



LAMPIRAN 5: Senarai Semak Keperluan Konvokesyen

Bil	Perkara	Semakan	
1.	Graduan membuat pengesahan kehadiran kepada Jawatankuasa Jemputan Graduan Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor Dan Istiadat Konvokesyen Ke-19. (Perkara 6).	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
2.	Graduan telah membuat temujanji Ujian Pengesanan COVID 19 RTK – Antigen pada 18 Disember 2021 ATAU 19 Disember 2021 di klinik sekitar Kuantan/Pekan. (Perkara 2)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
3.	Graduan telah memuat turun dan melengkapkan Borang Peminjaman Jubah. (Perkara 9)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
4.	Graduan telah menjadi ahli WhatsApp alumni mengikut <i>batch</i> /kumpulan masing-masing. (Perkara 13)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
5.	Graduan telah melengkapkan Borang Keahlian Persatuan Alumni UnIPSAS -Borang A. (Perkara 13)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
6.	Graduan telah mengisi dan menangkap layar (<i>screenshot</i>) slip pengesahan Kajian Pengesanan Graduan (KPG) di laman web http://graduat.mohe.gov.my . (Perkara 13)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
7.	Graduan telah melengkapkan Borang Kaji Selidik Kajian Kepuasan Graduan (Perkara 15.3)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
8.	Graduan memastikan tiada tunggakan yuran pengajian sebelum mengikut Istiadat. (Perkara 8.4)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
9.	Graduan telah mengemaskini maklumat akaun bank untuk proses pemulangan baki yuran pendahuluan. (Perkara 8.3)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>
10.	Graduan telah melengkapkan Borang Permohonan Skrol Pengijazahan & Transkrip Akademik. (Perkara 14.5)	<input type="checkbox"/>	Tidak
		Ya	<input type="checkbox"/>

- | | | | | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|----|--------------------------|-------|
| 11. Graduan telah menonton video simulasi Raptai Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen. (Perkara 5) | <input type="checkbox"/> | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak |
| 12. Memilih pakej gambar Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor Dan Istiadat Konvokesyen Ke-19 dan bersedia membuat transaksi perbankan mudah alih secara atas talian (<i>Online Banking</i>) di Kaunter 5 semasa pengambilan jubah. (Perkara 12.2) | <input type="checkbox"/> | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak |
| 13. Graduan memakai pakaian mengikut etika dan peraturan yang telah ditetapkan. (Perkara 10) | <input type="checkbox"/> | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak |
| 14. Graduan telah memuat turun, membaca dan memahami panduan dan peraturan Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor Dan Istiadat Konvokesyen Ke-19. | <input type="checkbox"/> | Ya | <input type="checkbox"/> | Tidak |

*Bagi graduan yang tidak menghadiri Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Istiadat Konvokesyen Ke-19, hanya perlu semak perkara 1,4,5,6,7,9 dan 10 sahaja.



**UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH**

جامعة السلطان أحمد شاه الإسلامية ببهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

**ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR, PRO-CANSELOR DAN ISTIADAT KONVOKESYEN KE-19 UNIPSA S
2021**

GRADUAN